

01/03/1997

Institusi komuniti tandus kreativiti

Hasnan Hakim

BARANGKALI sudah ramai sarjana, aktivis serta ahli politik yang memperkatakan mengenai gejala sosial remaja yang semakin menjadi-jadi. Daripada ruangan pengarang dalam akhbar utama kepada rancangan di stesen radio, hampir semua setuju bahawa gejala sosial sudah sampai ke tahap yang membimbangkan.

Pihak berwajib terutamanya kepimpinan negara iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan jentera kerajaan sedang mengambil langkah tegas. Kita boleh katakan bahawa keadaan panik moral sedang berlaku dalam masyarakat Melayu.

Sehingga kini, Kementerian Pendidikan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengadakan pertemuan dan bersetuju untuk memberikan kuasa polis tambahan (auxiliary police power) kepada guru disiplin untuk menangani salah laku remaja dan pelajar. Cadangan kerahan tenaga juga sudah diajukan dan mendapat persetujuan masyarakat.

Pelantikan lebih 2,000 kaunselor di 1,500 sekolah menengah di negara ini akan dipercepatkan oleh Kementerian Pendidikan. Cadangan mempertanggungjawabkan ibu bapa terhadap salah laku jenayah anak-anak mereka juga perlu difikirkan secara mendalam dan positif.

Yang lebih penting, Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai masalah sosial telah mengambil keputusan untuk menjalankan tindakan bersepadu mengatasi masalah remaja Melayu. Dua kumpulan sasaran telah dikenal pasti iaitu ibu bapa dan remaja itu sendiri.

Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno juga tidak ketinggalan membentuk mekanisme serta program latihan ala militer seperti Majlis Tindakan Sosial, Briged Putra dan Seri Kandi untuk membantu remaja (BH, 20 Februari 1997). Ini semua adalah perkembangan terbaik untuk menyelesaikan masalah remaja Melayu yang membimbangkan. Kerjasama serta bantuan masyarakat seharusnya diberikan kepada jentera kerajaan dengan sebaik mungkin.

Oleh itu, kita berharap bahawa segala tindakan ini akan kekal sebagai langkah jangka panjang dan bukan langkah ad-hoc yang akan tenggelam selepas tiada lagi laporan tragis kes remaja Melayu muncul dan digemparkan oleh media kita.

Walaupun begitu, ada unsur ironi di sebalik perkembangan ini. Pertama, nampaknya hanya jentera kerajaan seperti polis, kementerian, parti politik dan kepimpinan negara saja yang serius dalam menyelesaikan gejala sosial yang menimpa remaja Melayu kita.

Organisasi dan institusi komuniti yang lain seperti persatuan penduduk, pusat rekreasi komuniti, ahli masjid dan orang tua-tua yang dihormati dalam komuniti sebagai contoh, yang sememangnya dekat dengan remaja seakan tandus idea dan kudrat.

Memang benar, keluarga atau ringkasnya keadaan ibu bapa adalah punca kepada salah laku serta tingkah laku liar remaja Melayu. Keluarga adalah institusi sosial pertama di mana remaja membentuk sahsiahnya. Membentuk keluarga yang baik dan harmoni adalah perkara yang amat penting.

Namun, institusi dan struktur sosial yang bersifat komuniti dan tidak formal seperti kawan sekitar tempat tinggal, jiran terdekat, orang tua-tua yang dihormati dan kawan sekolah adalah tempat di mana remaja membesar dan mengenal erti masyarakat. Ia adalah struktur sosial yang hampir dengan remaja selain keluarga atau ibu bapa.

Selain persekolahan yang lebih formal dan keluarga, di sinilah kebanyakan aktiviti remaja yang membentuk sahsiah mereka bermula. Kalau

kita perhatikan kes salah laku remaja yang terpampang di akhbar, sebahagian besar kes itu membabitkan salah laku remaja Melayu berkumpulan. Dengan maksud lain, kawan dan kenalan menjadi punca utama salah laku remaja Melayu. Contoh terdekat adalah berita gempar penangkapan 24 pelajar sebuah sekolah menengah di Tanjung Agas, Muar yang disyaki menagih dan mengedar dadah.

Kita perlu fikirkan sejenak mengenai perkara ini dan menambahkan cadangan yang lebih konkrit kepada program penyelesaian yang akan dianjurkan oleh kerajaan. Oleh demikian, institusi komuniti sebegini perlu dikenal pasti serta digemblengkan tenaga mereka untuk memberi bantuan yang sewajarnya kepada institusi yang lebih rasmi seperti jentera kerajaan atau parti politik.

Kedua dan terakhir, kita sebenarnya masih berada di takuk lama. Sudah lama kita berdebat serta berbincang mengenai salah laku serta akhlak remaja yang semakin pudar. Saya kira sejak daripada isu bohsia dan bohjan hingga kepada isu remaja bersekedudukan atau tinggal serumah, sebab utama yang sering diperkatakan adalah kelemahan institusi keluarga.

Institusi pendidikan formal terutamanya pendidikan moral dan agama juga sering disebut sebagai salah satu punca.

Kita tidak dapat menafikan lagi bahawa keluarga, persekitaran dan pendidikan di sekolah menjadi sebahagian punca utama salah laku remaja dan mekanisme penyelesaiannya juga perlu dimulakan dalam institusi keluarga ataupun di sekolah.

Akan tetapi, kita masih mengulangnya sudah sekian lama sedangkan bentuk salah laku remaja semakin canggih. Cadangan penyelesaian juga tidak banyak berubah. Yang serius hanya kerajaan, sedangkan pihak lain terutamanya institusi komuniti yang tidak formal jumud lalu ketandusan idea.

Saya kira satu analisis lain perlu diberikan sesuai dengan peredaran masa. Kita sebenarnya kurang melihat bahawa selain daripada pendidikan yang diterima di sekolah atau di rumah, budaya jalanan atau the street culture banyak mempengaruhi pembentukan sahsiah remaja. Malah, budaya amalan remaja yang selalunya bersifat alternatif, hedonistik dan hiburan lebih banyak meninggalkan kesan kepada diri remaja terutamanya dari segi perwatakan, kecenderungan dan bahasa seharian yang digunakan.

Semakin banyak masa remaja dihabiskan di luar rumah atau luar sekolah yakni di jalanan bersama-sama kawan atau kenalan, semakin tinggi kemungkinan remaja menghalusi budaya jalanan yang selalunya tidak baik jika tidak dikawal.

Oleh demikian, salah satu strategi utama program menyelesaikan masalah remaja Melayu harus menekankan aspek mengurus serta mengurangkan kadar pembabitan remaja di jalanan dari segi masa ataupun pengawasan. Kita harus mengurangkan bilangan remaja di jalanan dalam setiap waktu melalui program dan pengawasan oleh institusi kerajaan serta institusi komuniti dan keluarga.

Kita perlu memuji langkah Kementerian Pendidikan yang akan memperkenalkan sistem satu sesi kepada 28 sekolah menengah di seluruh negara mulai 9 Jun depan (NST, 20 Februari 1997). Antara lain, menurut Menteri Pendidikan, masa persekolahan yang bertambah panjang iaitu sebanyak 110 minit akan menghindarkan remaja bersekolah daripada membabitkan diri dalam aktiviti jalanan yang tidak sihat seperti lepak dan bohsia.

Kesimpulannya, fokus harus dihalakan kepada pengawasan masa remaja untuk tidak terlalu lama berada di jalanan. Pembabitan institusi komuniti juga harus dipertingkatkan dan diberikan bantuan yang sewajarnya. Kita harus melakukan anjakan pandangan daripada terlalu mengharap kerajaan untuk menyelesaikan masalah kita kepada menghidupkan semangat dan kehidupan berk komuniti untuk menguruskan kehidupan seharian kita.

(END)